

Janji kemenangan tegak kebenaran

Pertembungan dengan musuh Islam uji keimanan

Setiap hari dunia memaparkan kisah kezaliman dan kedurjanaan yang dilakukan musuh-musuh Islam terhadap umat Islam. Pada masa sama turut dipaparkan penentangan dan perjuangan yang dilakukan kelompok umat Islam dalam menghadapi kejahatan itu.

Apabila diimbangi peristiwa yang telah menjadi sejarah, apa yang berlaku hari ini seperti perulangan pelbagai peristiwa yang melanda dunia dan umat Islam sejak sekian lama. Realiti juga menunjukkan kita sedang berada pada zaman umat Islam dalam keadaan yang sangat lemah dan musuh Islam bermaharajalela melakukan kejahatan serta kezaliman.

Disebut dalam bentuk penceritaan

Pertembungan antara Islam dan musuh-musuhnya telah disebutkan Allah secara berulang kali antaranya didatangkan dalam bentuk penceritaan peristiwa berlaku pada zaman silam, kisah pertembungan antara rasul dan pendukung fahaman batil pada zaman tertentu.

Oleh kerana banyaknya ayat yang menceritakan kisah pertembungan itu, maka ramai sarjana Islam telah mentafsirkannya sebagai salah satu daripada ketetapan yang telah ditentukan Allah dalam perjalanan kehidupan manusia, iaitu pertembungan antara hak dan batil.

Firman Allah SWT: "Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini." (Surah al-Baqarah, ayat 251)

Berhubung sunnah atau pertembungan ini, al-Quran menjelaskan ia berlaku sepanjang zaman dan telah bermula sejak awal kejadian manusia menerusi kisah pertembungan Adam dan syaitan yang disebutkan beberapa kali dalam al-Quran.

Penelitian terhadap nas al-Quran seperti diutarakan pengkaji al-Quran akan membawa kita kepada suatu kesimpulan iaitu antara lain tujuan penceritaan sejarah untuk menunjukkan pertembungan dua golongan iaitu umat yang benar dan batil.

Apa yang berlaku di Palestin, Bosnia, Iraq, Afghanistan, Lubnan, Kashmir, Chechnya dan sebagainya adalah sebahagian daripada perulangan sunnah ini.

Persoalan pertembungan yang disebutkan itu ada jawapannya yang antara lainnya adalah sebagai sebahagian

daripada ujian keimanan kepada umat Islam. Ia juga sebagai peringatan kepada umat Islam, bahawa kebatilan akan sentiasa cuba menguasai keadaan.

Jika tiada siapa yang bangkit untuk menghadapinya, maka kebatilan akan melata dan kejahatan tidak dapat terbandung lagi. Jika keadaan ini berlaku, kedahsyatan lebih besar akan berlaku seperti pernah berlaku terhadap kaum Nabi Nuh, kaum Ad, Thamud dan sebagainya.

Kejahatan tak dapat dibendung

Firman Allah SWT: "Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedherhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancurnya. Dan berapa banyak kaum sesudah Nuh telah Kami binasakan. Dan cukuplah Tuhanmu maha mengetahui lagi maha melihat dosa hamba-hambanya." (Surah al-Isra', ayat 16)

Walaupun begitu, al-Quran membeberikannya bahawa kebatilan tidak akan dibiarkan berleluasa sehingga mendominasi kerosakan secara menyeluruh. Al-Quran menjelaskan pertembungan akan berlaku dengan perencanaan Allah antara lainnya menerusi

kebangkitan orang beriman.

Firman-Nya: "Sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid yang dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya." (Surah al-Haj, ayat 40)

Dizalimi kuasa besar

Nas berkaitan pertembungan itu turut memberi jawapan kepada realiti hari ini yang memperlihatkan umat Islam serta gerakan yang cuba memartabatkan Islam terlalu teruk ditindas dan dizalimi kuasa besar, sekutu dan ejen mereka.

Seperkara yang perlu diambil perhatian, khususnya mereka yang bertekad untuk bersama kebenaran, bahawa Allah menjanjikan kemenangan kepada golongan benar yang sanggup menghadapi cabaran pertembungan ini.

Allah berfirman: "Allah telah menetapkan: 'Aku dan rasul-rasul-Ku pasti menang'. Sesungguhnya Allah maha kuasa lagi maha perkasa." (Surah al-Mujadilah, ayat 21)

Nas ini secara tidak langsung sebagai motivasi kepada umat Islam untuk menjadi umat yang bersedia menghadapi cabaran, bukan umat yang lemah dan mudah tunduk kepada cabaran.



DR MANSOR SULAIMAN

Penulis ialah pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang